

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kedudukan Projek *River of Life* di Kuala Lumpur, Kemajuan yang dicapai dan baki yang belum diselesaikan dan apakah penyiapannya mencapai piawaian yang ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sedang mentransformasikan Lembangan Sungai Klang yang melibatkan jajaran 110km sejak tahun 2011 melalui Projek *River of Life* (RoL). Antara sasaran utama projek ini adalah menjadikan 10.7km Sungai Klang dan Sungai Gombak sebagai ikon *waterfront* yang dinamik dan berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi di samping meningkatkan kualiti air sungai sedia ada.

Projek RoL yang bernilai RM4.36 bilion ini telah mencapai 92% siap. Manakala sasaran *Water Quality Index* (WQI) pada Kelas 2 bagi 10.7km di sepanjang Sungai Klang dan Sungai Gombak hanya akan tercapai selepas semua projek yang dirancang dapat dilaksanakan serta beroperasi sepenuhnya pada tahun 2024.

Ketika ini, kemajuan yang dicapai projek RoL adalah masih terkawal di mana 2 komponen utama projek ini iaitu Pembersihan dan Pengindahan hanya lewat 1% berbanding jadual serta masing-masing dijangka siap pada tahun 2024 (Pembersihan) dan akhir tahun 2020 (Pengindahan).

Sekian, terima kasih.